

Maklumat Komoditi : Chrysanthemum

Kesesuaian Tanaman

Keperluan Asas Tanaman Faktor Iklim Sebahagian besar tanaman pokok bunga iklim sederhana ditanam di Cameron Highlands. Tumpuan lading kekwa ialah di Ringlet dan Lembah Bertam dimana altitudnya berada diantara 1000 meter. Dari segi iklim, suhu dipengaruhi oleh ketinggian altitude. Suhu harian di antara 15-22°C. Pengeluaran bunga kekwa dipengaruhi oleh masa cahaya yang pendek. Kelembapan memainkan peranan yang penting untuk pengeluaran bunga kekwa yang berkualiti. Hujan yang kerap akan mengakibatkan kelembapan tinggi dan keadaan ini memudahkan penyakit karat putih merebak. Faktor Tanah Tanah yang sesuai ialah jenis lom liat atau berpasir yang mempunyai pH diantara 5.5 – 6.5. Untuk memudahkan pengurusan, kawasan yang lapang dan rata adalah yang terbaik untuk penanaman kekwa di samping pengudaraan yang cukup. Selain air yang baik juga adalah perlu untuk mengelak ladang kekwa daripada takungan air kerana pokok akan mudah diserang penyakit dan senang rebah. Secara biologi, pokok kekwa dibahagikan kepada dua kategori iaitu jenis standard dan jenis pompom. Jenis standard mempunyai sekuntum bunga besar pada satu tangkai manakala jenis pompom terdapat beberapa kuntum bunga yang sederhana besarnya pada satu tangkai. Jenis standard mempunyai jangka hayat 7-12 hari selepas dituai manakala jenis pompom pula mempunyai jangka hayat 10-14 hari lepas tuai.